

1. PENGENALAN

1.1 Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang kedua terkecil dengan keluasan tanah 1,048 kilometer persegi (berdasarkan sumber: Maklumat Asas Negeri Pulau Pinang 2011 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia) dan mempunyai kawasan berhutan seluas 7,809 hektar. Dasar utama mengenai penubuhan hutan lipur ialah mengekalkan sejumlah kawasan hutan asli yang mencukupi dalam hutan simpanan kekal (HSK) sebagai tempat rekreasi dan eko-pelancongan serta memupuk kesedaran masyarakat mengenai kepentingan hutan dan fungsinya. Sehubungan dengan itu, selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk melaksanakan agenda pembangunan dan memaksimumkan penggunaan sumber sedia ada, Projek Desa Flora dan Fauna (DFF) telah dikenalpasti bagi memberi pulangan yang optima kepada Kerajaan Negeri. Justeru itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan *Request For Proposal* (RFP) bagi mempelawa cadangan yang berkualiti daripada syarikat-syarikat berkeupayaan (Pembida Projek) untuk membangun dan menguruskan DFF.

2. PANDUAN KEPADA PEMBIDA PROJEK

2.1 Tujuan RFP

Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempelawa cadangan daripada Pembida yang berkeupayaan dan berkeupayaan untuk membangun dan mengurus infrastruktur DFF, Hutan Lipur Teluk Bahang , 11050, Teluk Bahang, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Ini adalah salah satu usaha Kerajaan Negeri untuk memaksimumkan (*unlock*) nilai strategik bagi aset negeri dalam menjana hasil melalui *Public Private Partnership* (PPP). RFP ini juga bertujuan untuk menggalakkan idea kreatif dan inovatif daripada syarikat-syarikat yang terlibat dengan mengambil kira spesifikasi yang terdapat dalam dokumen RFP ini.

2.2 Konsep Projek

Konsep pembangunan dan pengurusan Hutan Lipur Teluk Bahang adalah berdasarkan konsep ekopelancongan, maka DFF sebagai sebahagian daripada Hutan Lipur Teluk Bahang turut menggunakan konsep yang sama di mana akan menjadi sumber tarikan sokongan baru di kawasan tersebut.

Ekopelancongan adalah berkenaan dengan perjalanan dan lawatan yang mengandungi aspek-aspek berikut:

- bertanggungjawab terhadap alam sekitar;
- kawasan bersifat semulajadi;
- untuk menghargai dan menikmati sifat persekitaran semula jadi (termasuk sifat-sifat kebudayaan kini dan lalu);
- menggalakkan pemuliharaan alam sekitar;
- kesan yang rendah daripada pengunjung ke atas persekitaran; serta
- penglibatan secara aktif masyarakat tempatan di dalam aktiviti sosio-ekonomi.

Ekopelancongan mengelakkan kerosakan alam sekitar, membaiki mana-mana kerosakan yang tidak dapat dielakkan, serta membawa keuntungan kepada masyarakat setempat.

Ecotourism is environmentally responsible travel and visitation to relatively undisturbed natural areas, in order to enjoy and appreciate nature (and any accompanying cultural features, both past and present) that promotes conservation, has low visitor impact, and provides for beneficially active socio-economic involvement of local populations (Ceballos-Lascurain, 1993).

(Baki ruang ini sengaja dikosongkan)

2.3 Skop Umum


Pembida yang berjaya dikehendaki mempunyai pemahaman yang mendalam mengenai:

- i. Pelan Ekopelancongan Kebangsaan yang disediakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan;
- ii. Rancangan Pengurusan Hutan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang; dan
- iii. Keperluan Jabatan/ Agensi Teknikal yang terlibat seperti di **Lampiran A**.

Sepanjang tempoh pelaksanaan, Pembida yang berjaya perlu bekerjasama dengan pelbagai pihak merangkumi jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan.

2.4 Tapak DFF

Tapak DFF terletak di dalam Hutan Lipur Teluk Bahang, 11050, Teluk Bahang, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.



Pandangan Sudut Atas Lokasi Projek (*Aerial View*)

Cadangan keluasan asal kawasan DFF ialah 6 hektar. Namun hanya kawasan

seluas 1.22 hektar yang telah dibangunkan dan akan dikeluarkan permit penggunaan kepada Pembida untuk tujuan pembangunan serta pengurusan DFF.

2.4.1 Infrastruktur DFF yang Sediada

Infrastruktur DFF yang sediada terdiri daripada perkara berikut:-

	Jenis Binaan	Bilangan (unit)
a.	Bangunan Pameran Reptilia	5
b.	Bangunan Pameran Serangga	1
c.	Kolam Ikan Arapaima	1
d.	Kandang Harimau	1
e.	Pejabat Pentadbiran (bersebelahan dengan tapak DFF)	1

Fungsi infrastruktur DFF yang sediaada boleh diubahsuai mengikut kesesuaian RFP pembida selagi tidak terkeluar dari konsep ekopelancongan. Pengubahsuaian bangunan boleh dijalankan dengan menggunakan kos pembida atas persetujuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pembida akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan orang awam dan lain-lain perkara yang berkaitan.

Permit khas perlu diperolehi terlebih dahulu daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Negeri Pulau Pinang sebelum menjalankan operasi DFF jika RFP tersebut merangkumi hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya.

Kedudukan infrastruktur di DFF adalah seperti di **Lampiran B**.

2.4.2 Lokasi Tapak DFF

Projek DFF terletak di kedudukan yang strategik dan mempunyai kemudahan jaringan sistem perhubungan serta pengangkutan darat (jalan raya) yang memuaskan.

Lokasi tapak projek ini terletak kira-kira 23.5 km dari Pelabuhan Sultan

Abdul Halim di Pengkalan Weld dan 39.1 km dari Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Selain itu, lokasi ini berdekatan dengan produk-produk eko-pelancongan yang lain seperti Taman Negara Pulau Pinang, Taman Rama-rama Pulau Pinang dan *Spice Garden*.

Projek ini terletak di dalam kawasan Zon Eko-pelancongan (*Integrated eco-tourism belt*) berdasarkan Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

2.4.3 Bentuk Pembangunan yang Ditetapkan oleh Kerajaan Negeri

Pembida yang berminat untuk mengemukakan cadangan perlu menyenaraikan secara terperinci pembangunan dan aktiviti yang akan dilaksanakan. Pembida juga perlu mengambilkira kos penyelenggaraan infrastruktur sediaada dan kawasan projek termasuk kos permit penggunaan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang. Pembida harus merujuk dan mendapatkan kelulusan daripada agensi-agensi yang berkaitan terlebih dahulu bagi memastikan kawasan tersebut dapat dibangunkan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri. Pembida yang berjaya juga perlu mematuhi Garis Panduan Pembangunan yang berkuatkuasa di negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memeterai perjanjian bersama Pembida yang berjaya bagi tempoh 10 tahun di bawah terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui bersama. Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh menimbang semula untuk melanjutkan tempoh perjanjian bergantung kepada prestasi Pembida tersebut. Tanah tapak projek tersebut tidak boleh dipajakan bagi tujuan mendapat sumber kewangan untuk projek ini dan dilarang digunakan sebagai kolateral untuk sebarang tujuan. Tanah ini juga tidak boleh dipajak kecil atau dipindahmilik kepada pihak ketiga. Pada penghujung tempoh perjanjian projek, Pembida perlu mengembalikan

keseluruhan hak milik projek kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang tanpa sebarang kos.

2.5 Lawatan Tapak

Pembida dikehendaki menghadiri lawatan tapak yang dijadualkan pada 19 Jun 2015 (Jumaat) pada jam 10.30 pagi. Lawatan tapak perlu dihadiri oleh pihak pengurusan atasan syarikat Pembida.

Maklumat lanjut berhubung lawatan tapak boleh diperolehi daripada Sekretariat seperti di **Lampiran C**.

2.6 Pelaksanaan Projek

Jadual pelaksanaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- | | |
|---|---|
| a. Iklan untuk RFP | - 5 Jun 2015 |
| b. Lawatan Tapak | - 19 Jun 2015 |
| c. Tarikh akhir menghantar RFP | - 8 Julai 2015 |
| d. Penilaian Teknikal | - Ogos 2015 |
| e. Penilaian Jawatankuasa Teknikal Dan Penilaian Harga | - Sept 2015 |
| f. Pembentangan kepada Lembaga Perolehan Negeri dan MMK | - Okt 2015 |
| g. Paparan keputusan di dalam Sistem e-Perolehan | - Okt 2015 |
| h. Surat Tawaran kepada Pembida yang Berjaya | - Okt 2015 |
| i. Menandatangani Perjanjian | - Nov 2015 |
| j. Permohonan Kebenaran Merancang | - 2 bulan setelah perjanjian ditandatangani |

(Baki ruang ini sengaja dikosongkan)

3.0 MAKLUMAT YANG PERLU DISEDIAKAN OLEH PEMBIDA

Pembida perlu menghantar maklumat yang lengkap dan terperinci mengenai cadangan pembangunan dan pengurusan infrastruktur DFF, Hutan Lipur Teluk Bahang, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.

Garis panduan untuk menyediakan cadangan adalah seperti di bawah:

3.1 Maklumat Pembida

Pada bahagian ini, cadangan haruslah mengandungi ringkasan eksekutif yang terdiri daripada gambaran keseluruhan mengenai Pembida, projek pembangunan dan pengurusan yang akan dilaksanakan, jadual pelaksanaan dan anggaran kos yang terlibat.

Maklumat mengenai latar belakang syarikat pembida seperti di Lampiran D harus dilengkapkan yang merangkumi aspek berikut:

- i. Nama syarikat;
- ii. No. Pendaftaran Syarikat;
- iii. Tarikh penubuhan syarikat;
- iv. Jenis perniagaan utama;
- v. Alamat syarikat (Ibu Pejabat dan Cawangan);
- vi. No. telefon, faks dan alamat e-mel;
- vii. Modal berbayar syarikat;
- viii. Jenis dan butiran pemilikan syarikat;
- ix. Senarai Ahli Lembaga Pengarah;
- x. Maklumat mengenai pengurusan atasan; dan
- xi. Bilangan pekerja.

3.2 Keupayaan Korporat

Syarikat Pembida perlu mengenalpasti perunding, kontraktor, pembekal, pengendali dan pembiaya kewangan tempatan atau antarabangsa yang akan

terlibat di dalam projek yang dicadangkan. Syarikat Pembida juga perlu mengemukakan perancangan pembangunan projek meliputi aspek-aspek pengurusan projek dari segi pembangunan dan pelaksanaan projek termasuk ringkasan fungsi pengurusan utama serta jawatan-jawatan yang bakal diwujudkan. Ringkasan Pengurusan Projek perlu merangkumi jadual pembangunan projek dan operasi komersial. Dokumen sokongan yang menunjukkan komitmen dan kesungguhan Pembida untuk terlibat dalam projek ini juga boleh disertakan untuk mengukuhkan cadangan.

3.3 Keupayaan Teknikal

Bahagian ini perlu dilengkapkan secara terperinci dan perlu mengandungi maklumat yang lengkap untuk menyakinkan bahawa syarikat Pembida, syarikat perunding, kontraktor, pembekal dan pengendali projek memiliki keupayaan teknikal, pengalaman dan juga kepakaran (sama ada secara langsung ataupun melalui khidmat pihak tempatan atau antarabangsa) untuk mengendalikan projek yang dicadangkan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga amat menitikberatkan kelayakan syarikat Pembida dalam melaksanakan projek ini.

Pengalaman kakitangan teknikal, resume kakitangan utama yang terlibat dan senarai nama perunding yang terlibat dalam projek ini perlu disertakan. Senarai dan nilai projek yang pernah dibangunkan dan diuruskan oleh Pembida atau syarikat kerjasama juga perlu disertakan.

Sekiranya RFP pembida melibatkan fauna maka doktor verterina diwajibkan untuk memberi khidmat nasihat secara berkala mengikut jadual yang ditetapkan oleh agensi yang berkenaan.

3.4 Keupayaan Kewangan

Pembida yang berminat perlu menyatakan secara terperinci jumlah pelaburan yang terlibat dalam pembangunan dan pengurusan projek serta dikehendaki mempunyai modal berbayar minimum (*Minimum Paip-up Capital*) sebanyak 20% daripada jumlah pelaburan. Pembida yang berminat juga perlu mengemukakan

secara terperinci maklumat mengenai *Gross Development Value* (GDV) bagi cadangan yang dikemukakan.

Bahagian ini juga perlu mengandungi maklumat yang mencukupi untuk memperlihatkan dengan yakin bahawa syarikat Pembida dan rakan kongsi tempatan atau antarabangsa mempunyai keupayaan, pengalaman dan kepakaran untuk membiayai, membangun dan menguruskan projek yang dicadangkan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat menitikberatkan kelayakan Pembida bagi melaksanakan projek ini.

3.5 Kebolehlaksanaan Projek

3.5.1 Umum

Pembida perlulah mengenalpasti bentuk pembangunan dan pengurusan yang akan dilaksanakan di kawasan projek dan perlu diterangkan secara terperinci di dalam kertas cadangan. Cadangan juga perlu dikemukakan bersama pelan pembangunan dan pengurusan projek yang lengkap dan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.

3.5.2 Kajian Daya Maju Projek

Syarikat Pembida dikehendaki menyediakan kajian daya maju projek berkaitan dengan projek yang dicadangkan. Kaedah kajian adalah berdasarkan kreativiti Pembida dan kajian terperinci serta mendalam perlu dilakukan bagi menyakinkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa projek dapat dilaksanakan. Kos yang dianggarkan bagi pembangunan dan pengurusan projek juga perlu realistik dan munasabah.

3.5.3 Hazard Identification, Risk Assessment & Risk Control (HIRARC)

Syarikat Pembida harus menyatakan secara terperinci dalam RFP bagi mengenalpastian hazard, penilaian risiko dan kawalan risiko bagi projek ini.

3.5.4 Analisa Perbandingan

Syarikat Pembida harus menunjukkan analisa perbandingan projek-projek di tempat lain sama ada di dalam atau luar negara dalam RFP.

3.6 Anggaran Kos, Kaedah Pembiayaan dan Pulangan Kepada Pelaburan (ROI)

Syarikat Pembida harus menyatakan secara terperinci dalam RFP bagi perkara-perkara berikut:

3.6.1 Pelan pembiayaan Projek

Pelan pembiayaan projek termasuk pinjaman dan ekuiti serta dokumen-dokumen yang menyatakan pengalaman syarikat Pembida dalam memperolehi pembiayaan bagi projek-projek sebelum ini yang sama atau hampir sama dari segi GDV.

3.6.2 Aliran tunai masuk

Aliran tunai masuk yang merangkumi hasil yang diterima sebagai pulangan kepada pelaburan (ROI) serta sumber pendapatan utama projek ini.

3.6.3 Caj

Sebarang caj yang akan dikenakan pada pengunjung dari segi terma dan syarat, bentuk, kos dan lain-lain.

Sebarang caj yang akan dikenakan pada pengunjung DFF hendaklah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta diwartakan.

3.6.4 Kaedah dan Kos Penyelenggaraan

Kaedah dan kos untuk menyelenggara infrastruktur sedia ada dan kawasan DFF.

Sekiranya Syarikat Pembida ingin menjalankan pengubahsuaian bangunan atau infrastruktur DFF sedia ada, kaedah dan kos terlibat harus dinyatakan

secara terperinci di dalam RFP.

3.6.5 Promosi dan Publisiti

Kaedah, tempoh masa dan kos yang akan digunakan untuk mempromosikan DFF termasuk maklumat seperti kumpulan sasaran.

3.7 Pulangan Kepada Kerajaan Negeri

Pembida perlu menyatakan secara terperinci mengenai faedah dan pulangan kepada Kerajaan Negeri, masyarakat setempat dan lain-lain.

4. SYARAT DAN TERMA

- 4.1 Syarikat Pembida adalah dipelawa untuk mengemukakan cadangan berdasarkan keperluan yang dinyatakan di dalam dokumen ini. Kegagalan untuk mengemukakan sebarang maklumat yang dinyatakan akan menyebabkan cadangan ditolak.
- 4.2 Syarikat Pembida perlu menanggung segala kos yang berkaitan dengan penyediaan dan penyerahan RFP. RFP perlu diserahkan kepada Sekretariat pada atau sebelum 12.00 tengahari, 8 Julai 2015 (Rabu).
- 4.3 Pembida dikehendaki untuk membayar RM100.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Sahaja) melalui bank draft / kiriman wang sebagai yuran pemprosesan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang semasa mengemukakan RFP. Cek persendirian dan cek syarikat tidak diterima. Bayaran ini tidak akan dikembalikan melainkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memutuskan untuk membatalkan projek ini.
- 4.4 Satu (1) *softcopy* dan dua (2) salinan bercetak berwarna perlu dikemukakan ke alamat berikut:

Sekretariat
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 20, KOMTAR,
10000, Pulau Pinang

- 4.5 RFP yang diterima selepas masa dan tarikh tutup tidak akan dilayan.
- 4.6 Penyerahan harus dilakukan dengan menggunakan sampul bertutup dan ditulis dengan jelas di sebelah atas kanan sampul “Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur Desa Flora dan Fauna (DFF) di Hutan Lipur Teluk Bahang, 11050 Teluk Bahang, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang”.
- 4.7 Semua cadangan mestilah menggunakan Bahasa Melayu ataupun Bahasa Inggeris.
- 4.8 Semua cadangan mestilah ditaip menggunakan kertas A4 (8.27” x 11.69”). Walaubagaimanapun, pelan dan lakaran boleh menggunakan saiz kertas yang bersesuaian. Setiap bahagian perlu dimulakan pada muka surat baru dan dilabel sewajarnya. Setiap muka surat juga perlu dinomborkan mengikut turutan.
- 4.9 Borang Pengakuan (seperti di **Lampiran E**) perlu ditandatangani secara rasmi oleh individu yang diberi kuasa oleh pihak syarikat dan salinan asal perlu dikemukakan semula kepada Sekretariat.
- 4.10 Pembida perlu menandatangani borang surat Akuan Pembida (seperti di **Lampiran F1** dan **F2**) dan salinan asal perlu dikembalikan semula kepada Sekretariat. Pembida juga perlu memahami dan mengambil maklum mengenai Klausu Pencegahan Rasuah dalam dokumen Perolehan Kerajaan seperti di **Lampiran G**.
- 4.11 Sebarang cadangan penambahan dan alternatif adalah dialu-alukan sekiranya masih dalam skop RFP ini.

- 4.12 Syarikat Pembida boleh mengemukakan cadangan secara persendirian ataupun bekerjasama dengan syarikat lain. Walau bagaimanapun, peranan dan tanggungjawab setiap syarikat perlu dinyatakan dengan jelas.
- 4.13 Tiada pindaan boleh dibuat selepas cadangan projek dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- 4.14 Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai hak sepenuhnya untuk menerima ataupun menolak cadangan projek yang telah dikemukakan dan tidak terikat dalam apa-apa cara sekalipun untuk memberi projek kepada seseorang ataupun syarikat yang mengemukakan cadangan projek. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga tidak perlu untuk memberi sebarang sebab atau alasan bagi penolakan cadangan projek yang diterima.
- 4.15 Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengekalkan hak mutlak mengikut budi bicara untuk membatalkan RFP, sekiranya sebilangan besar daripada penduduk menentang projek ini tanpa sebarang pampasan atau ganti rugi kepada mana-mana pihak.
- 4.16 Setelah RFP dikeluarkan, maklumat berkaitan dengan kandungan, penilaian dan perbandingan cadangan serta syor mengenai penganugerahan kontrak adalah sulit dan tidak harus didedahkan kepada mana-mana individu atau syarikat yang tidak terlibat secara langsung dengan projek ini.
- 4.17 Semua cadangan yang diterima adalah sah selama enam (6) bulan dari tarikh tutup RFP ini tetapi Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai hak untuk melanjutkan tempoh sah tambahan selama tiga (3) bulan dengan mengeluarkan notis kepada Pembida.
- 4.18 Hanya syarikat yang disenarai pendek dan berjaya untuk RFP ini sahaja akan dimaklumkan status dan sekiranya perlu akan dijemput untuk membentangkan

cadangan pembangunan dan pengurusan.

- 4.19 Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak akan memaklumkan atau memberikan maklumat lanjut mengenai proses pemilihan kepada mana-mana syarikat yang berjaya ataupun tidak berjaya.
- 4.20 Syarikat Pembida yang berjaya dikehendaki untuk menandatangani perjanjian secara rasmi dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- 4.21 Jika syarikat yang berjaya gagal mematuhi semua keperluan yang telah ditetapkan dalam RFP ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh membatalkan perjanjian projek tersebut.
- 4.22 Pembida yang berjaya harus menyertakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank yang dikeluarkan oleh bank berdaftar dan beroperasi di Malaysia berjumlah lima peratus (5%) daripada jumlah pelaburan yang akan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum perjanjian ditandatangani.
- 4.23 Jaminan Bank tersebut haruslah dipastikan sah dari tarikh dikeluarkan sehingga tempoh tidak kurang dari tiga (3) bulan selepas tarikh tamat perjanjian. Jika didapati Pembida menarik balik sebelum tarikh tamat perjanjian yang ditetapkan, jaminan bank akan dirampas/ tidak akan dikembalikan.
- 4.24 Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak meminda dari semasa ke semasa spesifikasi dan butir-butir yang dinyatakan di dalam RFP dan Pembida mestilah bersetuju dengan pindaan yang telah dibuat tersebut. Setiap pindaan pada RFP akan dimaklumkan kepada Pembida.
- 4.25 Pembida harus bersetuju dan memahami bahawa sekiranya penawaran ini gagal dan perjanjian masih belum ditandatangani, tiada sebarang tindakan boleh diambil atau meneruskan apa-apa tindakan terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

- 4.26 Fakta dan maklumat yang terkandung di dalam RFP ini adalah benar sewaktu ia dikemukakan dan dengan ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak akan melayan sebarang pertikaian dan tidak akan bertanggungjawab mengenai ketepatan dan kebenaran bagi sebarang fakta dan maklumat yang terkandung dalam RFP ini.

(Baki ruang ini sengaja dikosongkan)


SENARAI JABATAN / AGENSI TEKNIKAL

NO.	NAMA & ALAMAT	TEL. & FAKS	WEB SITE
1	Jabatan Perancangan Bandar & Desa Paras 57, KOMTAR 10000, Pulau Pinang Malaysia	Tel : 04-2621236 04-6505270 Faks : 04-2637580	http://jpbd.penang.gov.my
2	Pejabat Daerah & Tanah, Daerah Barat Daya Pejabat Daerah & Tanah, Daerah Barat Daya, Balik Pulau 11000, Pulau Pinang Malaysia	Tel : 04-8691100 Faks : 04-8661593	http://dbd.penang.gov.my
3	Pejabat Tanah Dan Galian Paras 21 & 22, KOMTAR 10000, Pulau Pinang Malaysia	Tel : 04-2615459 04-6505200 Faks : 04-2619588	http://ptg.penang.gov.my
4	Jabatan Pengairan dan Saliran Paras 55, KOMTAR 10000, Pulau Pinang Malaysia	Tel : 04-2610460 04-6505234 Faks : 04-2613435	http://jps.penang.gov.my
5	Badan Kawal Selia Air Negeri Pulau Pinang Tingkat 45, Menara KOMTAR, 10000, Pulau Pinang Malaysia	Tel : 04-6505463 04-2643481 Faks : 04-2645112	
6	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Tingkat 26, KOMTAR, 10000, Pulau Pinang Malaysia	Tel : 04-6505151 Faks : 04-2615493	
7	Jabatan Taman Botani Pulau Pinang Jalan Kebun Bunga, 10350 Pulau Pinang	Tel : 04-2260713 Faks : 04-2288075	http://botanicalgardens.penang.gov.my/my/p/home
8	Majlis Perbandaran Pulau Pinang Paras 17, KOMTAR, 10675, Pulau Pinang Malaysia	Tel : 04-2592038 Faks : 04-2639575	http://www.mppp.gov.my

CADANGAN PENGURUSAN ATAS PENYEWAAN INFRASTRUKTUR DFF DI HUTAN LIPUR TELUK BAHANG

9	Tenaga Nasional Berhad Paras 17, Wisma TNB No. 30, Jalan Anson 10400, Pulau Pinang Malaysia	Tel : 04-2224000 Faks : 04-2273110	http://www.tnb.com.my
10	Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Paras 32, KOMTAR 10000, Pulau Pinang Malaysia	Tel : 04-2634200 Faks : 04-2613581	http://www.pba.com.my
11	Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Tingkat 6-9, Blok Pejabat Mines 2 The Mines Resort City, Seri Kembangan 43300, Selangor Darul Ehsan Malaysia	Tel : 03-89465000 Faks : 03-89408851	http://www.jpp.gov.my
12	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Negeri Pulau Pinang (PERHILITAN) Tingkat 40, KOMTAR 10000, Pulau Pinang	Tel : 04-2613039 Faks : 04-2610330	http://www.wildlife.gov.my/ index.php?lang=ms
13	Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang Aras Bawah – Zon B Wisma Persekutuan, Kepala Batas 13200, Pulau Pinang Malaysia	Tel : 04-5751911 Faks : 04-5751455	http://www.doe.gov.my
14	Jabatan Bomba Dan Penyelamat Jalan Perusahaan, Perai 13600 Pulau Pinang Malaysia	Tel : 04-3970760 Faks : 04-3982544	http://www.bombapenang. gov.my

**PELAN SUSUNATUR DFF, HUTAN LIPUR TELUK BAHANG,
11050, TELUK BAHANG, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG**



Lampiran C

SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

- 1 Nama : Tuan Radhuan Bin Ramli
 Jawatan : Pengarah Perhutanan Negeri Pulau Pinang
 Tel : 04-6505250
 Faks : 04-2636335

- 2 Nama : Tuan Yusof Bin Abd. Rashid
 Jawatan : Timbalan Pengarah Pengurusan (P)
 Tel : 04-2625272
 Faks : 04-2636335

- 3 Nama : Cik Wendy Ngu
 Jawatan : Pengurus Hutan Taman Negeri
 Tel : 04-2625272
 Faks : 04-2636335

- 4 Nama : Cik Rohayu Binti Abdul Aziz
 Jawatan : Pembantu Tadbir Perkhidmatan
 Tel : 04-2625272
 Faks : 04-2636335

Lampiran D

BORANG LATAR BELAKANG SYARIKAT PEMBIDA

- 1 Nama Syarikat : _____
- 2 No. Pendaftaran : _____
- 3 Tarikh: Penubuhan Syarikat : _____
- 4 Jenis Perniagaan Utama : _____
- 5 Alamat syarikat
 - 5.1 Ibu Pejabat : _____

 - 5.2 Cawangan : _____

- 6 Nombor Untuk Dihubungi
 - 6.1 No. Telefon : _____
 - 6.2 No. Faks : _____
 - 6.3 Alamat E-mel : _____
- 7 Modal Berbayar Syarikat (Isi mana yang berkenaan)
 - 7.1 Perseorangan / Perkongsian : RM _____

7.2 Sendiri Berhad / Berhad :

a. Modal Dibenar : RM _____

b. Modal Dibayar : RM _____

8 Jenis dan Butiran Pemilikan Syarikat

8.1 Perseorangan :

a. Nama Pemilik : _____

b. No. K/P : _____

8.2 Perkongsian :

Nama Pekongsi	No. Kad Pengenalan	Peratus Perkongsian

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

8.3 Sendirian Berhad / Berhad :

Nama Pekongsi	No. Kad Pengenalan	Peratus Perkongsian

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

9 Senarai Ahli Lembaga Pengarah

Nama	No. Kad Pengenalan

CADANGAN PENGURUSAN ATAS PENYEWAAN INFRASTRUKTUR DFF DI HUTAN LIPUR TELUK BAHANG

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

10 Maklumat Mengenai Pengurusan Atasan

Nama	Jawatan	Tempoh Perkhidmatan Dalam Syarikat

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

11 Bilangan Pekerja

11.1 Tempatan : _____ orang

11.2 Asing : _____ orang

Lampiran E

PENGAKUAN

Di atas pengetahuan saya, dengan ini saya memperakui bahawa segala maklumat yang terkandung di dalam cadangan ini adalah benar.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Cop Syarikat : _____

Tandatangan Saksi : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Lampiran F1

**SURAT PENGAKUAN PEMBIDA BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN DAN
PENGURUSAN DESA FLORA DAN FAUNA (DFF), HUTAN LIPUR TELUK BAHANG,
11050, TELUK BAHANG, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG**

Saya, (**Nama Wakil Syarikat**)
Nombor K.P yang mewakili
..... (**Nama Syarikat**) nombor pendaftaran
..... (**MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB**)
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili
syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu
dalam **Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain,
sebagai sogokan untuk dipilih dalam Cadangan seperti di atas. Bersama ini
dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di
atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati
cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan
Perhutanan Negeri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan
untuk dipilih dalam Cadangan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat
bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi Cadangan di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi Cadangan di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang
berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya

CADANGAN PENGURUSAN ATAS PENYEWAAN INFRASTRUKTUR DFF DI HUTAN LIPUR TELUK BAHANG

atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam Cadangan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRRM) atau Balai Polis yang berhampiran.

Yang Benar,

..... **(Tandatangan)**

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat:

Lampiran F2

**SURAT PENGAKUAN PEMBIDA BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN DAN
PENGURUSAN DESA FLORA DAN FAUNA (DFF), HUTAN LIPUR TELUK BAHANG,
11050, TELUK BAHANG, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG**

Saya, (Nama Wakil Syarikat)
Nombor K.P yang mewakili
..... (Nama Syarikat) nombor pendaftaran
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan
ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak
akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan
Perhutanan Negeri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk
dipilih dalam Cadangan seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi
saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Perhutanan
Negeri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam
Cadangan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan
berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi Cadangan di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi Cadangan di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang
berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam

Cadangan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRRM) atau Balai Polis yang berhampiran.

Yang Benar,

..... (Tandatangan)

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat:

KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

"CLAUSE ON PREVENTION ON CORRUPTION IN GOVERNMENT PROCUREMENT DOCUMENTS"

Termination on Corruption, Unlawful or Illegal Activities

(a) Without prejudice to any other rights of the Government, if the [Company/Firm], its personnel, servants or employees is convicted by a court of law for corruption or unlawful or illegal activities in relation to this [Agreement/Contract] or any other agreement that the [Company/Firm] may have with the Government, the Government shall be entitled to terminate this [Agreement/Contract] at any time, by giving immediate written notice to that effect to the [Company/Firm].

(b) Upon such termination, the Government shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses (including any incidental costs and expenses) incurred by the Government arising from such termination.

(c) For the avoidance of doubt, the Parties hereby agree that the [Company/Firm] shall not be entitled to any form of losses including loss of profit, damages, claims or whatsoever upon termination of this [Agreement/Contract].